

14 DEC 2002

Abdullah-Silat

MALAYSIA ANTARA NEGARA PALING SELAMAT, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia adalah antara negara yang paling selamat di dunia ekoran kestabilan politik dan ekonominya terpelihara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, keadaan politik dan ekonomi yang stabil itu terbukti apabila negara masih mampu menganjur pelbagai acara bertaraf antarabangsa yang disertai oleh negara-negara di seluruh dunia.

Berucap merasmikan Kejohanan Silat Sedunia ke-12 di sini hari ini, beliau berkata, rakyat asing yang mengunjungi negara ini juga bebas berjalan kemana-mana sahaja tanpa sebarang perasaan takut.

Abdullah berkata, para pelancong yang mengunjungi negara ini juga bebas untuk membeli-belah kerana keadaan ekonomi negara yang stabil.

Pada kejohanan itu, sebanyak 19 buah negara dari seluruh dunia mengambil bahagian dalam pertandingan selama seminggu.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan buku cenderamata kejohanan itu menggesa, pertubuhan-pertubuhan seni silat seperti Pertubuhan Silat Kebangsaan (PESAKA) mengenalpasti punca yang menyebabkan ramai golongan muda kini tidak berminat dengan ilmu persilatan.

Katanya, usaha-usaha untuk menarik ramai anak muda menyertai seni bela diri haruslah dilakukan bagi melahirkan generasi muda yang teguh peribadinya dan berani menghadapi sebarang cabaran disamping menentukan warisan budaya bangsa terus terpelihara.

Beliau berkata, kerajaan menyambut baik usaha untuk memperkembangkan seni silat kerana ia dapat mengajak golongan remaja menjauhkan diri daripada pengaruh sosial yang sedang melanda generasi sekarang.

"Seni silat merupakan satu aktiviti yang melatih pesertanya berdisiplin dan mempunyai kekuatan diri selain memberi didikan agama, akhlak dan semangat muafakat serta keyakinan diri yang kental", katanya.

--BERNAMA

AZE ZB